



PEMBERITAHUAN

DOMAIN LAMAN SESAWANG *SKMM EXAM MANAGEMENT SYSTEM (SEMS)* TELAH DIKEMAS KINI

CYBERJAYA, 4 April 2022 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan, domain untuk laman sesawang *SKMM Exam Management System (SEMS)* yang beralamat di pautan <https://sems.skmm.gov.my> sebelum ini, kini telah diubah kepada <https://sems.mcmc.gov.my>.

Sehubungan itu, bagi mereka yang ingin memohon untuk menduduki peperiksaan Radio Amatur (RAE) dan Peperiksaan Kod Morse (CW) secara dalam talian boleh berbuat demikian dengan melayari domain baharu tersebut.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan urusan permohonan untuk menduduki peperiksaan RAE dan CW boleh diajukan kepada e-mel di sems.admin@mcmc.gov.my.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

www.mcmc.gov.my